

Penjagaan Kesihatan Pergigian Selepas Rawatan Venir

Bentuk Gigi



Sebelum



Selepas

- Memberus gigi dua (2) kali sehari.
- Menflos gigi sekurang-kurangnya satu (1) kali sehari.
- Elakkan menggigit benda keras menggunakan gigi yang mempunyai veneir.
- Dapatkan pemeriksaan pergigian berkala sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.



VENIR PERGIGIAN

Mencipta Senyuman Anggun



BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Ara 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

MOH/KIG/17.2014/PT

Tel : 603-88834215
Faks : 603-8886133
Email : ohd@moh.gov.my
Website : <http://ohd.moh.gov.my/>
www.facebook.com/pergigiankkm
www.ohdmoh.blogspot.com

Apa itu Venir Pergigian?

- Adalah satu cara konservatif bagi memperbaiki, mencantikkan gigi atau melindungi permukaan gigi yang rosak.
- Selapisan nipis bahan tampalan komposit atau porselin akan dilekatkan kepada permukaan gigi.



Kelebihan Rawatan Venir Pergigian

- Prosedur ini hanya memerlukan pengikisan 0.5mm lapisan enamel sahaja.
- Tidak memerlukan penggunaan ubat bius setempat.
- Penggunaan bahan seramik yang bersifat seperti kaca dan kelihatan seakan-akan gigi asli.

Gigi Stain (berkarat)



Sebelum rawatan



Selepas rawatan

Indikasi

Venir pergigian digunakan untuk rawatan kosmetik kepada beberapa masalah pergigian seperti;

- Merawat gigi yang terserpih atau merekah;
- Menukarkan warna gigi kepada warna yang lebih cerah;
- Menutup ruang antara gigi;
- Memperbaiki bentuk gigi dan penjajaran gigi;
- Memperbaiki kedudukan gigi yang sedikit tidak teratur;
- Melapik enamel gigi yang haus;
- Membetulkan saiz gigi supaya kelihatan normal.